

KUTKM tawar lapan kursus baru

Archival News | Utusan Malaysia | 17/10/2002

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) akan menawarkan lapan kursus baru bagi peringkat ijazah sarjana muda bagi pengambilan 2003/ 2004.

Penawaran kursus baru itu menyaksikan KUTKM kini menawarkan 22 kursus termasuk di peringkat diploma.

Ia ditawarkan melalui tiga fakulti yang terdapat di KUTKM iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.

Kursus-kursus baru yang ditawarkan bagi peringkat ijazah sarjana muda itu ialah;

- *. Kejuruteraan Mekanikal (Reka Bentuk dan Inovasi)
- *. Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)
- * . Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Telekomunikasi)
- *. Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa & Pemacu)
- *, Kejuruteraan Elektrik (Kawa-lan, Instrumentasi & Automasi).
- *. Kejuruteraan Pembuatan (Reka bentuk Pembuatan)
- *, Kejuruteraan Pembuatan (Robotik & Automasi)
- * Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Pangkalan Data).

KUTKM dalam kenyataannya baru-baru ini berkata, penyediaan kursus-kursus tersebut bertujuan memenuhi keperluan permintaan tinggi terhadap jurutera yang profesional dan berkemahiran tinggi.

Semua kursus-kursus ini akan menggunakan pendekatan hands-on.

Lulusan KUTKM dalam bidang-bidang ini diharap dapat mengendalikan peralatan kejuruteraan yang canggih, berkemampuan mengaplikasi dan membangunkan teknologi terkini dalam bidang kejuruteraan.

Dianggarkan seramai 1,500 pelajar bakal ditawarkan tempat untuk melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah sarjana muda dan diploma untuk kemasukan sesi 2003/2004 yang akan datang.

Kemasukan pelajar baru itu akan menjadikan jumlah keseluruhan pelajar KUTKM ialah 3,000 orang.

(Source : Utusan Malaysia)